SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2023 Pengajian Am Semester 2 Muar, Johor + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian A [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan.

1. Nyatakan **tiga** cabaran dalam usaha menyediakan prasarana di negara ini. [3]

(a) …….....……...…….

(b) …….....……...…….

(c) …….....……...…….

2. Huraikan **dua** kesan apabila prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan dalam Rukun Negara kurang dihayati dalam kalangan masyarakat. [4]

(a) …….....……...…….

…….....……...……..

(b) …….....……...……

…….....……...……..

3. Berikan **empat** implikasi pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara. [4]

(a) …….....……...…….

(b) …….....……...…….

(c) …….....……...…….

(d)……

4. Nyatakan **empat** kelebihan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan masyarakat. [4]

(a) …….....……...…….

(b) …….....……...…….

(c) …….....……...…….

(d)……

Bahagian B [20 markah]

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf pada halaman 7 atau 8.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai bagi menunjukkan **jumlah** kes kecurian kenderaan di Semenanjung Malaysia dari tahun 2019 hingga tahun 2022.

Mengikut data yang dikeluarkan oleh Bukit Aman, jumlah kecurian kenderaan yang dilaporkan pada tahun 2019 ialah 48411 kes yang melibatkan motosikal, kenderaan persendirian dan kenderaan komersial manakala pada tahun 2020 berlaku penurunan sebanyak 6253 kes dan menurun lagi kepada 35953 kes pada tahun yang berikutnya. Pada tahun 2022 jumlah kes kecurian kenderaan dianggarkan sebanyak 32634 kes.

Bagi kenderaan motosikal kes kecurian yang dilaporkan pada tahun 2021 ialah 26779 kes iaitu penurunan sebanyak 7975 kes berbanding nilai kes pada tahun 2019. Pada tahun 2020 pula kes kecurian motosikal yang dilaporkan ialah sebanyak 31577 kes. Pada tahun 2022 kes kecurian motosikal menurun sebanyak 6443 kes berbanding tahun 2020.

Bagi kenderaan persendirian pula, kes kecurian yang dilaporkan pada tahun 2019 sebanyak 10607 kes dan terus menurun sebanyak 38.72% pada tahun 2022. Pemasangan CCTV terutamanya di kawasan beli-belah dan tempat parkir kereta telah menyebabkan kes kecurian kenderaan persendirian semakin menurun. Pada tahun 2021 kes kecurian kenderaan persendirian yang dilaporkan berjumlah 7413 kes iaitu penurunan sebanyak 1069 kes berbanding kes kecurian pada tahun 2020.

Kenderaan komersial seperti van komersial, lori, kereta sewa dan teksi juga menunjukkan penurunan kes kecurian dari tahun 2019 hingga tahun 2022. Pada tahun 2020 kes kecurian kenderaan komersial yang dilaporkan sebanyak 2099 kes. Jumlah ini berkurang sebanyak 951 kes berbanding pada tahun 2019. Pada tahun 2021 kes kecurian yang dilaporkan sebanyak 1761 kes. Pada tahun 2022 kes kecurian kenderaan komersial berkurang sebanyak 5500 kes berbanding kes kecurian kenderaan persendirian pada tahun yang sama.

Kecurian kenderaan mengikut kelas ini telah menyebabkan kerugian yang amat besar kepada pemiliknya dan juga kepada syarikat. Jenayah ini perlulah diatasi dengan segera oleh pihak berkuasa.

(Disesuaikan daripada Statistik Kes Kecurian Kenderaan, Bukit Aman, Disember 2022)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan sumbangan industri pembalakan terhadap **pendapatan negara** dan **negara pengimport** pada tahun 2021.

Sungguhpun industri pembalakan negara mengalami kemerosotan dari tahun ke tahun, namun sumbangannya terhadap pendapatan negara masih lagi signifikan. Permintaan yang tinggi daripada rakan dagang tradisi mampu mendatangkan pendapatan sebanyak RM 3 931 000 juta kepada negara pada tahun 2021.

Daripada jumlah tersebut, 31.21% telah disumbangkan oleh industri kayu bergergaji yang juga merupakan sumbangan tertinggi terhadap pendapatan negara. Industri kayu balak mentah telah menyumbang sebanyak RM 1 045 000 juta, perabot RM 864 000 juta dan papan lapis RM 234 000 juta. Selebihnya adalah pendapatan yang disumbangkan oleh industri jenis-jenis lain.

Trend permintaan yang tinggi terutamanya daripada negara-negara Eropah merupakan suatu petanda baik kepada pemain industri pembalakan dan ekonomi negara. Belanda telah mengimport dengan nilai tertinggi iaitu sebanyak RM 1 049 990 juta diikuti oleh Jerman, United Kingdom dan Belgium dengan masing-masing mencatatkan jumlah import sebanyak RM 939 650 juta, RM 284 480 juta dan RM 305 170 juta.

Negara jiran serantau iaitu Singapura telah mengimport sebanyak 17.68% daripada jumlah keseluruhan import dan akhir sekali import daripada negara rakan dagang baharu dengan jumlah import sebanyak RM656 709 juta.

Memandangkan industri pembalakan masih lagi menyumbang kepada pendapatan negara, seharusnya projek penanaman semula serta pengurusan hutan yang cekap perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana kelangsungan industri ini dilihat mampu untuk berkembang semula memandangkan permintaan yang tinggi terhadap produk industri pembalakan daripada pasaran dunia.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan Tahunan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 2021)

Bahagian C [*25 markah*]

Jawab **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7 Peningkatan kos sara hidup amat merisaukan rakyat. Pelbagai inisiatif boleh diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan peningkatan kos sara hidup rakyat. Bincangkan.

8 Hutan yang mempunyai banyak kepentingan sering terganggu oleh aktiviti manusia. Jelaskan.

Bahagian A [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan.

1. Nyatakan **tiga** cabaran dalam usaha menyediakan prasarana di negara ini. [3]

(a) …….....……...…….

(b) …….....……...…….

(c) …….....……...…….

Bil	*Idea*
1.	*Menyediakan peruntukan kewangan yang besar/**kos yang tinggi.***
2.	*Penerokaan sumber alam sehingga boleh mendatangkan pencemaran.*
3.	*Sikap pengguna yang melakukan kegiatan vandalisme.*
4.	*Sambutan masyarakat/**rakyat** terhadap prasarana yang disediakan/sokongan*
5.	*Pengabaian sesetengah kemudahan awam merugikan masyarakat/**sokongan masyarakat terhadap penyediaan infrastruktur/penyelenggaraan kemudahan***

2. Huraikan **dua** kesan apabila prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan dalam Rukun Negara kurang dihayati dalam kalangan masyarakat. [4]

(a) …….....……...…….

…….....……...……..

(b) …….....……...…….

…….....……...……..

Bil	*Idea*
1.	Keharmonian hidup rakyat terjejas -kurang pegangan agama sebagai panduan hidup -kurang toleransi antara agama
2.	Lunturnya sikap saling menghormati dalam kalangan masyarakat - wujudnya persengketaan - pengabaian golongan tua / kanak -kanak / wanita
3.	Meruntuhkan jati diri rakyat - rakyat mudah terpengaruh dengan unsur negatif - tidak dapat membezakan antara perbuatan baik dan buruk
4.	Berleluasanya masalah sosial - mudah terjerumus dalam masalah sosial kerana pegangan agama yang lemah
5.	**Meningkatkan kadar jenayah** - mudah terpengaruh dengan unsur negatif dan terlibat dalam jenayah
6.	**Meruntuhkan perpaduan rakyat** - hubungan antara rakyat renggang kerana sifat perkauman yang menebal

Cadangan Skema Jawapan: Carta Pai Bertingkat

MALAYSIA: SUMBANGAN INDUSTRI PEMBALAKAN TERHADAP PENDAPATAN NEGARA DAN NEGARA PENGIMPORT PADA TAHUN 2021

Jenis Industri Pembalakan	(RM Juta)	Peratus (%)	Sudut (°)
Kayu bergergaji	1 226 865	31.21	112.37
Kayu balak mentah	1 045 000	26.58	95.70
Perabot	864 000	21.98	79.12
Papan lapis	234 000	5.95	21.43
Jenis-jenis lain	561 135	14.27	51.38
Jumlah	**3 931 000**	**100.00**	**360.00**

Negara Pengimport	(RM Juta)	Peratus (%)	Tinggi (cm)
Belanda	1 049 990	26.71	2.67
Jerman	939 650	23.90	2.40
United Kingdom	284 480	7.24	0.72
Belgium	305 170	7.76	0.78
Singapura	695 001	17.68	1.77
Rakan dagang baharu	656 709	16.71	1.67
Jumlah	**3 931 000**	**100.00**	**10.00**

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Laporan Tahunan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 2021)

Bahagian C [*25 markah*]

Jawab **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

7. Peningkatan kos sara hidup amat merisaukan rakyat. Pelbagai inisiatif boleh diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan peningkatan kos sara hidup rakyat. Bincangkan.

Pendahuluan

Kebelakangan ini, peningkatan kos sara hidup merisaukan rakyat. Kerajaan terus melaksanakan inisiatif yang dapat mengurangkan bebanan rakyat terutamanya dalam menangani isu kos sara hidup.

Bil.	Idea/isi	Huraian
1.	***A. Sebab merisaukan:*** Kuasa beli menurun	• bagi individu, inflasi akan mengurangkan pendapatan benar. • peningkatan harga barang memberi kesan kepada kuasa beli mereka dan juga kualiti hidup secara keseluruhan.
2.	Tidak dapat menampung keperluan asas	• peningkatan kos sara hidup yang drastik ini amat mengganggu situasi rakyat akibat ketidakcukupan pendapatan untuk menampung keperluan asas
3.	Sukar untuk menabung	• rakyat dilihat semakin sukar untuk menyimpan wang secara konsisten berikutan gaji tidak mencukupi akibat kos sara hidup yang tinggi dan terus meningkat.
4.	Masalah / Bebanan hutang	• peningkatan kos sara hidup amat mengganggu situasi rakyat akibat ketidakcukupan pendapatan untuk menampung bebanan hutang. • pengurusan kewangan yang lemah menyebabkan segelintir individu berbelanja melebihi pendapatan – perbelanjaan di luar kawalan menyebabkan keadaan keberhutangan yang tinggi.
5.	***B. Inisiatif kerajaan:*** Memperkasa penguatkuasaan undang-undang	• agensi penguatkuasa perlu kerap melakukan pemantauan ke atas premis-premis perniagaan. • penguatkuasaan dan pemantauan dilakukan dengan mengutamakan keperluan rakyat meliputi pembelian rumah, barangan keperluan harian, kenaikan harga petrol dan bayaran tol yang sangat membebankan rakyat. • denda dan hukuman yang tegas harus diambil ke atas mana-mana pihak yang melanggar undang-undang.
6.	Pemberian subsidi	• kerajaan membantu golongan yang kurang berkemampuan dalam menghadapi cabaran kos sara hidup.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar